

15/09/1997

Tindakan jika masih jual Harakah

KOTA BHARU, Ahad - Polis negeri akan bertindak tegas terhadap pembekal dan penjual akhbar Harakah yang diharamkan penjualannya oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), berkuatkuasa esok.

Ketua Polis negeri, Senior Asisten Komisioner I, Datuk Zakaria Mohammed, berkata tindakan itu dilakukan, sebaik saja Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan (IPPK) menerima arahan daripada pihak atasan.

"Kalau ada arahan mengatakan akhbar itu tidak boleh dijual, tetapi masih dijual, saya nasihatkan mereka ini (pembekal dan penjual) mematuhi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Rawatan Haemodialisis Polis Diraja Malaysia (PDRM), di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan Perhimpunan Agung Umno minggu lalu, mengeluarkan arahan supaya akhbar Harakah dan Rokat tidak dibenarkan dijual secara terbuka kerana kedua-duanya tidak mempunyai permit daripada KDN, berkuatkuasa segera.

Dr Mahathir berkata, kerajaan selama ini tidak pernah mengambil sebarang tindakan walaupun akhbar itu milik parti atau kelab yang dijual secara terbuka.

Bagaimanapun, KDN mengeluarkan arahan menetapkan tarikh akhir penjualan kedua-dua akhbar itu berkuatkuasa esok.

Menurut Zakaria, polis akan bertindak selepas menerima arahan dan menegaskan tindakan itu tidak hanya membabitkan akhbar Harakah, malah kepada semua terbitan yang didapati melanggar syarat KDN.

Kebanyakan kedai buku dan akhbar di Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat tidak lagi menjual akhbar itu kepada orang ramai.

(END)